

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk merealisasikan perubahan-perubahan di setiap peringkat pentadbiran negara dalam mengembalikan hak-hak istimewa dan autonomi Sabah dan Sarawak mengikut Perjanjian Malaysia 1963.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah bersidang beberapa kali dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan telah menjalankan perbincangan dan semakan bagi meneliti senarai isu-isu yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".

Jawatankuasa ini telah membincangkan isu-isu yang dikemukakan dan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan hasil dari rundingan semua pihak berkepentingan. Satu Laporan terperinci akan disediakan berhubung dengan hasil semakan yang telah dibuat beserta dengan cadangan hala tuju untuk diangkat kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.